

**Kementerian Pelajaran Lulus Peruntukan Baiki Kemudahan Sekolah Di Pulau Tuba
Bernama
10 Ogos, 2012**

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pelajaran meluluskan peruntukan RM500,000 bagi menyedia dan membaik pulih kemudahan di tiga buah sekolah di Pulau Tuba, di sini.

Timbalan Menteri berkenaan Dr Mohd Puad Zarkashi berkata peruntukan itu masing-masing RM150,000 untuk Sekolah Kebangsaan Selat Bagan Nyior dan Sekolah Kebangsaan Lubuk Chempedak serta RM200,000 untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke ketiga-tiga buah sekolah berkenaan Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687225>